



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang bertanggungjawab memajukan pergerakan Pertubuhan Peladang di seluruh negara mempelawa warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan serta berkelayakan dan bermotivasi tinggi untuk mengisi jawatan-jawatan berikut :

'JAWATAN KOSONG'

PENJAGA JENTERA ELEKTRIK

➤	Jawatan	:	Penjaga Jentera Elektrik
➤	Gred Jawatan	:	J19
➤	Klasifikasi Perkhidmatan	:	Kejuruteraan
➤	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
➤	Taraf Jawatan	:	Tetap
➤	Jadual Gaji	:	Minimum – RM1,377.00 Maksimum – RM4,052.00

Bidang Tugas

1. Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas penyenggaraan dan operasi ke atas sistem pemasangan elektrik dengan memastikan tatacara/prosedur keselamatan adalah sentiasa dipatuhi bagi memenuhi keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

Syarat-Syarat Lantikan

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Warganegara Malaysia ;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ;
 - (c) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A0 (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - (d) Gaji permulaan di Gred J19 ditetapkan mengikut Kategori Sijil Kekompetenan :
 - i. A0/A1 : RM1,435.12
 - ii. A4-2/A4-1/A4 : RM1,493.24
 - iii. B0-2/B0-1/B0/B1/B4 : RM1,551.36

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.